

# Hubungan ke Amerika Latin digiat

**KUALA LUMPUR, Se-**lusa — Malaysia mahu hubungan dua hala dan kerjasama dengan negara Amerika Latin di bidang diplomatik dan perdagangan dipertingkatkan.

Ketua Setuusaha Negara, Tan Sri Ahmad Saji Abdul Hamid berkata, untuk membolehkan kerjasama rapat ini, negara terbabit perlu memastikan hubungan dua hala dengan Malaysia sentiasa erat sebagai pelaburan jangka panjang.

"Persefahaman dan kepekaan terhadap masalah di antara satu dengan lain akan membawa hubungan yang erat dan stabil," katanya di seminar ulang tahun ke-500 Penemuan Eropah dan Amerika — Implikasi Kepada Malaysia, anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara, di Intan dekat sini, hari ini.

Katanya, negara-negara benua Amerika Selatan yang mempunyai penduduk kira-kira 400 juta

itu berpotensi dalam perdagangan serta bidang lain.

Selain itu, menurutnya, negara Amerika Latin juga perlu lebih aktif memastikan sistem perdagangan dunia kekal secara bebas dan terbuka.

Katanya, dasar baru Malaysia kini mengutamakan negara seperti Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru dan Venezuela untuk mengukuhkan perdagangan dan ekonomi.

Perdagangan antarabangsa Malaysia dengan negara itu mencatatkan peningkatan daripada 0.6 peratus daripada keseluruhan perdagangan antarabangsa pada 1985 kepada 1.03 peratus atau \$2,015 juta tahun lalu.

Duta enam negara Amerika Latin serta Sepanyol dan Itali hadir dalam seminar yang membincangkan implikasi yang negara mereka alami apabila Columbus menjumpai Dunia Baru pada 12 Oktober 1492.